

Headline **Fokus enam bidang**  
Date **06 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **25**  
Article Size **299 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,598**  
PRValue **25,794**



# Fokus enam bidang

Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam ketengah Malaysia sebagai negara Muslim contoh

>>Oleh Shuhada Mansor

darmansor@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 yang akan diadakan buat julung kalinya tidak lama lagi menyasarkan 300,000 pengunjung khususnya beliau dan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Pengarah karnival, Datuk Seri Abdullah Md Zin berkata, karnival selama tiga hari itu bakal menyaksikan beberapa pengisian program yang dilihat mampu menarik minat kumpulan sasar antaranya pameran berkaitan kebangkitan Islam di Malaysia sejak merdeka, berhibur sambil berdakwah serta pertunjukan busana Muslim.

"Kami yakin sasaran ini mampu dicapai, sekali gus matlamat sebenar iaitu memberi pengetahuan masyarakat mengenai sistem transformasi pengurusan Islam sejak kita merdeka hingga kini.

"Penjelasan mengenai transformasi pengurusan Islam ini merangkumi enam

bidang utama iaitu sistem pentadbiran, pendidikan, perbankan dan kewangan Islam, kehakiman, kebudayaan dan diplomasi serta hubungan antarabangsa yang akan diterapkan secara lebih dinamik dan komprehensif,"

katanya pada sidang media selepas mengadakan sesi perbincangan bersama 50 wakil agensi yang terbabit dalam acara berkenaan di Balai Berita, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid dan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani.

Menurut Abdullah, karnival yang dijangka mendapat pembabitan lebih 100 agensi kerajaan dan swasta itu turut mengetengahkan objektif

utama karnival iaitu memperkenalkan Malaysia sebagai negara Islam contoh di mata dunia.

Beliau yang juga Penasihat Agama Perdana Menteri berkata, transformasi sistem pengurusan Islam akan dikuip melalui slot seminar yang berlangsung secara eksklusif pada karnival itu dengan jangkakan kehadiran seramai 300 peserta.

Karnival tiga hari itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan terbahagi kepada dua program utama iaitu pameran dan persidangan selain turut menyelitkan Forum Perdana Ehwat Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata tarikh penganjuran karnival belum diputuskan kerana ia tertakluk kepada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengenai tarikh sebenar acara itu tidak lama lagi.

Program itu turut mendapat kerjasama Berita Harian, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Usim dan Lembaga Tabung Haji.



KERJASAMA...Abdullah (tengah) bersama Mior (kiri) dan Dr Mohd Rushdan pada sidang media di Balai Berita, semalam.